



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 73  
No. 16

**10hb Ogos 2020**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

## RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang berikut yang akan dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bill which is to be tabled in the Legislative Assembly is published for general information:

	Muka Surat Page
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) 2020	3
Administration of Islamic Law Enactment (Amendment) 2020	11

## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991.

[ ]

**DIPERBUAT** undang-undang oleh Badan Perundangan Negeri Pahang seperti yang berikut:

### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

- 1.** (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Undang Undang Islam (Pindaan) 2020.  
  
(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

2

*Rang Undang-Undang*

**Pindaan seksyen 2**

2. Subseksyen 2(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*] yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “Ketua Hakim Syarie” takrif yang berikut:

‘ ‘Ketua Pegawai Eksekutif’’ ertinya Ketua Pegawai Eksekutif Majlis yang dilantik di bawah seksyen 13 dan termasuklah Timbalan-timbalan Ketua Pegawai Eksekutif;’’ dan

(b) dengan memotong takrif “Setiausaha”.

**Penggantian seksyen 13**

3. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 13 dengan seksyen yang berikut:

“Ketua Pegawai Eksekutif. 13. (1) Hendaklah ada seorang Ketua Pegawai Eksekutif Majlis yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan umum ke atas pegawai dan pekhidmat Majlis.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif adalah sebagai ketua pentadbir bagi pentadbiran harian Majlis dan bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar dan keputusan Majlis.

(4) Tertakluk kepada arahan yang diberikan kepadanya oleh Yang Dipertua, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi pelaksanaan keputusan Majlis, dan hendaklah menjalankan kuasa dan tugas sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

*Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) 2020* 3

(5) Ketua Pegawai Eksekutif berhak menghadiri semua mesyuarat Majlis dan menyertai dalam penimbangtelitiannya, tetapi tidak berhak untuk mengundi.

(6) Ketua Pegawai Eksekutif berhak dibayar dengan apa-apa elaun mesyuarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

(7) Ketua Pegawai Eksekutif adalah setiausaha Majlis.”.

**Pindaan seksyen 18**

4. Seksyen 18 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Setiausaha” di mana jua terdapat dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”.

**Pindaan seksyen 20**

5. Seksyen 20 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Setiausaha” di mana jua terdapat dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”.

**Pindaan seksyen 21**

6. Subseksyen 21(1) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Setiausaha” dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”.

**Pindaan seksyen 23**

7. Seksyen 23 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Setiausaha” di mana jua terdapat dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”.

4

*Rang Undang-Undang*

**Pindaan seksyen 24**

**8.** Seksyen 24 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Setiausaha” dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”.

**Pindaan seksyen 26**

**9.** Seksyen 26 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Setiausaha” dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”.

**Seksyen baharu 28A**

**10.** Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 28 seksyen yang berikut:

“Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat perkhidmatan dan tatatertib.

28A. (1) Majlis boleh, dari semasa ke semasa, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan yang berkaitan dengan syarat-syarat perkhidmatan dan tatatertib pegawai dan pekhidmatnya.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh merangkumi peruntukan untuk—

(a) penahanan kerja dengan pengurangan gaji atau imbuhan lain; atau

(b) penggantungan tanpa gaji atau saraan lain,

pegawai atau pekhidmat Majlis sementara menanti prosiding tatatertib.

*Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) 2020* 5

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mewujudkan kesalahan tatatertib dan memperuntukkan hukuman tatatertib sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Majlis, dan hukuman yang diperuntukkan boleh membawa kepada pemecatan atau penurunan pangkat.

(4) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah, dalam menetapkan prosedur untuk prosiding tatatertib, memberi suatu peluang untuk representasi dibuat oleh orang yang terhadapnya prosiding tatatertib diambil sebelum keputusan dibuat oleh Majlis mengenai pertuduhan tatatertib yang dikenakan terhadap orang tersebut.”.

**Pindaan seksyen 54**

**11.** Subseksyen 54(1) Enakmen ibu dipinda dengan memotong perkataan “lelaki”.

**Seksyen baharu 64A**

**12.** Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 64 seksyen yang berikut:

“Arahan  
Ketua  
Hakim  
Syarie.

64A. Ketua Hakim Syarie boleh, dari semasa ke semasa mengeluarkan apa-apa arahan berkenaan dengan prosedur Mahkamah Syariah sebagaimana yang difikirkannya perlu.”.

6

*Rang Undang-Undang***Pindaan seksyen 81**

**13.** Seksyen 81 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“ (3) Bagi maksud menandatangani apa-apa cek yang dikeluarkan daripada akaun bank Majlis—

(a) jika amaunnya kurang daripada lima puluh ribu ringgit, cek itu hendaklah ditandatangani oleh orang yang berikut:

(i) Ketua Pegawai Eksekutif; dan

(ii) Akauntan Majlis;

(b) jika amaunnya di antara lima puluh ribu ringgit dan kurang daripada tiga ratus ribu ringgit, cek itu hendaklah ditandatangani oleh orang yang berikut:

(i) Yang Dipertua atau mana-mana ahli Majlis yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua;

(ii) Ketua Pegawai Eksekutif; dan

(iii) Akauntan Majlis; dan

(c) jika amaunnya tiga ratus ribu ringgit dan ke atas, cek itu hendaklah ditandatangani oleh orang yang berikut:

(i) Yang Dipertua atau dua orang ahli Majlis yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua;

(ii) Ketua Pegawai Eksekutif; dan

(iii) Akauntan Majlis.”.

*Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pindaan) 2020*

7

**Seksyen baharu 92A**

- 14.** Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 92, seksyen yang berikut:

“Tiada penutupan atau perobohan masjid.

92A. (1) Tiada seorang pun boleh menutup atau merobohkan mana-mana atau seluruh bahagian bangunan masjid tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Majlis dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan seksyen ini, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”.

**Pindaan seksyen 93**

- 15.** Subseksyen 93(3) dalam Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan Bilal” dengan perkataan “, Bilal dan Siak”.

---

---

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (“Enakmen terpinda”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Enakmen ini.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan suatu takrif baharu ke dalam seksyen 2 Enakmen terpinda berkenaan dengan Ketua Pegawai Eksekutif dan untuk memotong takrif “Setiausaha”.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk menggantikan seksyen 13 Enakmen terpinda dengan seksyen baharu mengenai pelantikan dan peranan Ketua Pegawai Eksekutif.

8

*Rang Undang-Undang*

5. *Fasal 4, 5, 6, 7, 8 dan 9* bertujuan untuk meminda seksyen 18, 20, 21, 23, 24 dan 26 masing-masing sebagai pindaan susulan penubuhan jawatan baharu Ketua Pegawai Eksekutif dan pemansuhan jawatan Setiausaha.
6. *Fasal 10* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 28A ke dalam Enakmen terpinda bagi memperkatakan tentang kuasa Majlis untuk mengenakan tindakan tatatertib, membuat peraturan-peraturan tatatertib dan surc妖 kepada pegawai dan pekhidmatnya.
7. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 54 Enakmen terpinda untuk membolehkan wanita Muslimah dilantik sebagai anggota panel tetap Mahkamah Rayuan Syariah.
8. *Fasal 12* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 64A ke dalam Enakmen terpinda bagi membolehkan Ketua Hakim Syarie untuk mengeluarkan arahan mengenai prosedur Mahkamah Syariah sebagaimana yang difikirkannya perlu.
9. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda subseksyen 81(3) Enakmen terpinda bagi menamakan penandatangan kepada semua cek yang dikeluarkan oleh Majlis.
10. *Fasal 14* bertujuan untuk memasukkan seksyen 92A baharu ke dalam Enakmen terpinda untuk memperuntukkan hukuman bagi kesalahan menutup atau merobohkan masjid tanpa persetujuan Majlis dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.
11. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda seksyen 93 Enakmen terpinda bagi memperuntukkan tentang pelantikan Siak oleh Majlis.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PUN.PHG.D/100/26/1]

A BILL

*intituled*

An Enactment to amend the Administration of Islamic Law Enactment 1991.

[ ]

**ENACTED** by the Legislature of the State of Pahang as follows:

**Short title and commencement**

- 1.** (1) This enactment may be cited as the Administration of Islamic Law Enactment (Amendment) 2020.  
(2) This Enactment comes into operation on the date of assent of His Royal Highness the Sultan.

**Amendment of section 2**

**2.** Subsection 2(1) of the Administration of Islamic Law Enactment 1991 [*Enactment No. 3 of 1991*] which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended—

(a) by inserting after the definition of “*ahli kariah*” the following definition:

‘ “Chief Executive Officer” means the Chief Executive Officer of the Majlis appointed under section 13 and shall include the Deputy Chief Executive Officers;’; and

(b) by deleting the definition of “Secretary”.

**Substitution of section 13**

**3.** The principal Enactment is amended by substituting for section 13 the following section:

“Chief Executive Officer. 13. (1) There shall be a Chief Executive Officer of the Majlis appointed by His Royal Highness the Sultan.

(2) The Chief Executive Officer shall have general control of the officers and servants of the Majlis.

(3) The Chief Executive Officer shall be the chief administrator of the day-to-day administration of the Majlis and shall be responsible for carrying out the policies and decisions of the Majlis.

(4) Subject to any direction given to him by the President, the Chief Executive Officer shall be responsible for the execution of the decisions of the Majlis, and shall exercise such powers and duties as the Majlis may determine.

*Administration of Islamic Law (Amendment) 2020* 3

(5) The Chief Executive Officer is entitled to attend all meetings of the Majlis and to participate in its deliberations, but shall have no right of voting.

(6) The Chief Executive Officer is entitled to be paid with such meeting allowance as the Majlis may decide.

(7) The Chief Executive Officer shall be the secretary to the Majlis.”.

**Amendment of section 18**

4. Section 18 of the principal Enactment is amended by substituting for the word “Secretary” whenever appears the words “Chief Executive Officer”.

**Amendment of section 20**

5. Section 20 of the principal Enactment is amended by substituting for the word “Secretary” whenever appears the words “Chief Executive Officer”.

**Amendment of section 21**

6. Subsection 21(1) of the principal Enactment is amended by substituting for the word “Secretary” the words “Chief Executive Officer”.

**Amendment of section 23**

7. Section 23 of the principal Enactment is amended by substituting for the word “Secretary” whenever appears the words “Chief Executive Officer”.

**Amendment of section 24**

**8.** Section 24 of the principal Enactment is amended by substituting for the word “Secretary” the words “Chief Executive Officer”.

**Amendment of section 26**

**9.** Section 26 of the principal Enactment is amended by substituting for the word “Secretary” whenever appears the words “Chief Executive Officer”.

**New section 28A**

**10.** The principal Enactment is amended by inserting after section 28 the following section:

“Regulations  
with respect  
to conditions  
of service and  
discipline.

28A. (1) The Majlis may, from time to time, with the approval of His Royal Highness the Sultan, make regulations with respect to the conditions of service and discipline of its officers and servants.

(2) The regulations made under this section may include provisions for—

(a) interdiction with reduction in salary or in other remuneration;  
or

(b) suspension without salary or other remuneration,

of an officer or servant of the Majlis during the pendency of disciplinary proceedings.

*Administration of Islamic Law (Amendment) 2020* 5

(3) The regulations made under this section shall create such disciplinary offences and provide for such disciplinary punishments as the Majlis may deem appropriate, and the punishments so provided may extend to dismissal or reduction in rank.

(4) The regulations made under this section shall, in prescribing the procedure for disciplinary proceedings, provide for an opportunity for representations to be made by the person against whom the disciplinary proceedings are taken before a decision is arrived at by the Majlis on the disciplinary charge laid against such person.”.

**Amendment of section 54**

**11.** Subsection 54(1) of the principal Enactment is amended by deleting the word “male”.

**New section 64A**

**12.** The principal Enactment is amended by inserting after section 64 the following section:

“Directions 64A. The Chief Syariah Judge may, from  
of Chief time to time issue such directions with  
Syariah respect to Syariah Courts’ procedures, as  
Judge. he may consider necessary.”.

**Amendment of section 81**

**13.** Section 81 of the principal Enactment is amended by substituting for subsection (3) the following subsection:

“ (3) For the purpose of signing any cheque issued from a bank account of the Majlis—

(a) where the amount is less than fifty thousand ringgit, the cheque shall be signed by the following persons:

- (i) the Chief Executive Officer; and
- (ii) the Accountant of the Majlis;

(b) where the amount is between fifty thousand ringgit and less than three hundred thousand ringgit, the cheque shall be signed by the following persons:

- (i) the President or any member of the Majlis authorised by the President;
- (ii) the Chief Executive Officer; and
- (iii) the Accountant of the Majlis; and

(c) where the amount is three hundred thousand ringgit and above, the cheque shall be signed by the following persons:

- (i) the President or two members of the Majlis authorised by the President;
- (ii) the Chief Executive Officer; and
- (iii) the Accountant of the Majlis.”.

*Administration of Islamic Law (Amendment) 2020* 7

### New section 92A

**14.** The principal Enactment is amended by inserting after section 92 the following section:

“No closure or demolition of mosque.

92A. (1) No person shall close or demolish any or all parts of a mosque without the prior permission of the Majlis and His Royal Highness the Sultan.

(2) Any person who contravenes this section commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.”.

### Amendment of section 93

**15.** Subsection 93(3) of principal Enactment is amended by substituting for the words “and *Bilal*” the words “, *Bilal* and *Siak*”.

---

### EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to amend the Administration of Islamic Law Enactment 1991 (“amended Enactment”).

2. *Clause 1* contains the short title and provisions on the commencement of this Enactment.

3. *Clause 2* seeks to insert a new definition into section 2 of the amended Enactment with respect to the Chief Executive Officer and to delete the definition of “Secretary”.

4. *Clause 3* seeks to substitute section 13 of the amended Enactment for a new section as to the appointment and roles of the Chief Executive Officer.

8

*Bill*

5. *Clauses 4, 5, 6, 7, 8 and 9* seek to amend sections 18, 20, 21, 23, 24 and 26 respectively as consequential amendments to the establishment of the new post of the Chief Executive Officer and the abolishment of the post of Secretary.
6. *Clause 10* seeks to insert new section 28A into the amended Enactment as to deal with the power of the Majlis to impose disciplinary actions, to make disciplinary regulations and surcharges on its officers and servants.
7. *Clause 11* seeks to amend section 54 of the amended Enactment as to enable a female *Muslimah* to be appointed as a standing panel member of the Syariah Appeal Court.
8. *Clause 12* seeks to insert new section 64A into the amended Enactment as to enable the Chief Syariah Judge to issue directions regarding the procedure of the Syariah Courts, as he considers them necessary.
9. *Clause 13* seeks to amend subsection 81(3) of the amended Enactment as to name the signatories to all cheques issued by the Majlis.
10. *Clause 14* seeks to insert new section 92A into the amended Enactment as to provide for the penalties for offence of closing or demolishing mosques without consent of the Majlis and His Royal Highness the Sultan.
11. *Clause 15* seeks to amend section 93 of the amended Enactment as to provide for the appointment of *Siak* by the Majlis.

*FINANCIAL IMPLICATIONS*

This Bill will not involve the Government in any additional expenditure.

[PUN.PHG.D/100/26/1]

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA